

Perak negeri tertua 2020

Taiping: Taiping dipilih bandar pertama bagi projek rintis mewujudkan bandar mesra usia dengan peruntukan RM1.1 juta.

Ini bagi pembangunan fasa pertama daripada Tabung Pembangunan Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, Taiping dipilih kerana Perak dijangka menjadi negeri tertua di Malaysia pada 2020 apabila jumlah warga emas mencapai 385,000 orang atau 14.9 peratus daripada jumlah penduduk yang diunjurkan 2.6 juta.

“Melihat kepada jangkaan senario kependudukan negara bagi tahun akan datang, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama kerajaan negeri, Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dan UNDP merangka projek rintis ke arah mewujudkan *Age-Friendly City* atau bandar mesra usia di Taiping.

“Buat masa ini, kami menerima suntikan dana daripada UNDP untuk memulakan kajian menyeluruh



DR Wan Azizah melancarkan Projek Rintis *Age-Friendly City@Taiping*, semalam.

terhadap status semasa Taiping bandar mesra usia.

“Hasil kajian ini digunakan tindakan syor dan membangunkan pelan yang disesuaikan mengikut keperluan tempatan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Projek Rintis *Age-Friendly City@Taiping*, semalam.

Dr Wan Azizah yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, Kerangka Menyeluruh Kebangsaan juga akan dibangunkan untuk diadaptasi di tempat lain.

Beliau berkata, bandar mesra usia adalah satu instrumen menggabungkan peranan setiap individu dalam komuniti dan masyarakat setempat supaya persekitaran yang didiami bebas halangan dan selamat.

Paling penting, ia mewujudkan sistem sokongan yang berkesan untuk semua pihak.

Beliau berkata, kajian terhadap bandar mesra usia bermula bulan lalu dengan kerjasama KPWKM dan UNDP, yang mana *MyAgeing* Universiti Putra Malaysia (UPM) dilantik perunding utama.